

# BULETIN LEKOR 2022

INFORMASI AKTIVITI RASMI PKT

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
KUALA TERENGGANU

CAREER DAY BANTU  
PKT CAPAI 100%  
KEBOLEHPASARAN  
GRADUAN

SMART GO GREEN  
TANAM MINAT  
PELAJAR SAYANGI  
ALAM SEKITAR

3 LAGI INDUSTRI  
JALIN KERJASAMA  
DENGAN PKT



MAJLIS  
KONVOKESYEN  
PKT KALIAKE-19  
MERIAH

#SAYANGIPKT


#PKTDIHATI

#PKTHARMONI

#TVETTALENTFORTOMORROW



e-ISSN 2289-4136



9 772289 413000

# ISI KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi	2
Kata Aluan Timbalan Pengerusi	3
Sukarelawan YES PKT Bantu Kakitangan dan Pelajar Terjejas Banjir	4
Lean Management Beri Nilai Tambah Proses	5
PKT Perlu Waspada Elak Tular Covid-19	6
Kursus Asas Bisnes Dari Rumah	7
<i>Career Bootcamp: Preparing Your Career Path</i>	8
PKT Terima Kunjungan UTHM	9
Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 Berjalan Lancar	10
Pendaftaran Pelajar Sesi 2 2021/2022 Kekal Patuh SOP	11
Lawatan MYAPENA dan ETAC	12
Career Bootcamp Siri 2	13
Sekampit Beras Sekilo Gula Rai Golongan Asnaf	14
Iftar Perdana Politeknik Kuala Terengganu	15
Tahniah APC dan Kenaikan Pangkat	16
Lawatan KK Santubong Buka Ruang Kerjasama	17
Syawal Disyukuri	18
Latihan Pengungsian Bangunan "Fire-Drill" Tingkat Keselamatan PKT	20
PKT Tingkatkan Promosi Pengambilan Pelajar	21
Empat Ekor Lembu Sempena Qurban Perdana PKT	23
Lawatan Penanda Aras PKT ke PMTG	24
PKT Kibar Jalur Gemilang di Puncak Panorama	25
Program Pementoran	26
Selamat Datang Pelajar Baharu Sesi 1 2022/2023	27
COC Perkukuh Kolaborasi Bersama Industri	28
Pelajar SMK Kamil Teroka Bidang Elektrik & Elektronik	29
Sukan Erat Hubungan Warga PKT	30
i-DEA'22 PKT Menang Tempat ke Tiga	31
TPA Naib Johan MPCCSust Award 22	31
Majlis Konvekesyen PKT Kali ke-19 Meriah	32
Bantu Diri untuk Bantu Orang Lain	34
Mesyuarat Bersama Penasihat Industri	35
Hari Akademia "Akademia Memacu Kesejahteraan Komuniti"	36
Perantisiswa Keluarga Malaysia Bantu Sesi PDP	37
Didik Pelajar Sayang dan Cinta Al-Quran	38
COT Sasar Penarafan 2 Bintang Menjelang 2024	39



# ISI KANDUNGAN

Smart Go Green Tingkat Kesedaran Pelajar Sayangi Alam Sekitar	40
MPP Nadi Penghubung Pelajar dan Pihak Pengurusan	41
Gotong-royong CSR Kontena	42
Team-Building Cabar Keupayaan Fizikal & Stamina Pengurusan	43
Pemilihan Kelab Kakitangan 2023-2024	44
Pelajar Perlu Berfikiran Kritis dan Berinovasi	45
Karnival Sukan Tertutup Meriah	46
Program Pemantapan Staf Uji Minda Anggota	47
COMPETE@MOHE 2022	48
Hari Keluarga Politeknik Rai Silaturrahim	49
Program Kolaborasi Serantau Politeknik Kuala Terengganu dan Politeknik Aceh	50



# Perutusan Pengerusi

Assalamualaikum warahmatullahi wbt. dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin, limpah kurnia dan makbul-Nya Buletin Lekor Politeknik Kuala Terengganu 2022 ini dapat diterbitkan. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam memastikan Buletin Lekor ini disiapkan dengan sebaiknya.

Alhamdulillah, pada tahun 2022 ini PKT telah melaksanakan pelbagai aktiviti mengikut KPI yang ditetapkan. Penghasilan buletin ini adalah sebagai dokumentasi dan rujukan untuk semua.

Akhir kata dengan rendah hati saya memanjatkan doa kepada Allah swt semoga PKT akan terus melakar kejayaan cemerlang dan gemilang pada masa akan datang dan semua warganya sentiasa dalam limpah keberkatan dan rahmatNya. Insha-Allah. Sekian, terima kasih.

*Dr. Haji Mohd Daud bin Isa*

# KATA ALUAN TIMBALAN PENGERUSI



## **YM Dr. Tengku Azman bin Tengku Mohd Timbalan Pengarah Akademik**

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita masih lagi diberi peluang dan kesempatan untuk memikul amanah sebagai kakitangan awam dalam meneruskan kecemerlangan perkhidmatan di Politeknik Kuala Terengganu.

Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Jawatankuasa yang terlibat dalam penghasilan Buletin Lekor Tahun 2022 ini kerana telah berjaya menyempurnakan buletin ini mengikut masa sebenar. Sesungguhnya saya percaya ianya bukanlah satu kerja yang mudah untuk menghasilkan sebuah buletin. Buletin Lekor ini diterbitkan agar ianya dapat dijadikan medium perantaraan kepada seluruh kakitangan dan masyarakat luar untuk mengetahui aktiviti-aktiviti yang berlaku di PKT di samping memberikan informasi yang berguna dan dijadikan rujukan buat masa hadapan.

Akhir kata, saya berharap agar semua kakitangan PKT memanfaatkan informasi yang dimuatnaik dalam Buletin Lekor ini.



6 Februari 2022

## Sukarelawan YES PKT bantu kakitangan dan pelajar terjejas banjir

Setiap kali musim monsun menjelang Negeri Terengganu adalah negeri yang tidak dapat dielakkan dari musibah banjir. Pada tahun 2022 sahaja sebanyak dua kali bencana banjir telah melanda Negeri Terengganu iaitu pada:

- 6 Februari 2022
- 17 - 19 Disember 2022

Sehubungan itu, pasukan Sukarelawan YES PKT telah digerakkan bersama kakitangan PKT untuk membantu kerja-kerja pembersihan pasca banjir. Sebanyak tiga buah rumah kakitangan telah dibersihkan dan sumbangan barangan keperluan asas telah diberikan. Selain itu juga, pasukan sukarelawan telah memberi khidmat tenaga membersihkan kawasan Sekolah Kebangsaan Padang Setar yang turut terjejas.



17 - 19 Disember 2022

18 - 19 Januari 2022



# LEAN MANAGEMENT BERI NILAI TAMBAH PROSES

Bengkel Pengurusan Lean anjuran Jawatankuasa Pengurusan Lean PKT dengan kerjasama Latihan Pkt. Bengkel selama dua hari ini telah dibimbing oleh Ts. Mohd Asnawi bin Abd. Wahab, Penolong Pengarah, Bahagian Governan dan Kecemerlangan, JPPKK selaku penceramah.

Objektif bengkel ini diadakan adalah bertujuan untuk membangunkan pelan strategik dan menambahbaik aktiviti lean di PKT. Peserta bengkel dibahagikan mengikut kluster dan pembentangan setiap kumpulan dijalankan diakhir bengkel.



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**POLITEKNIK**  
KUALA TERENGGANU

**MAKLUMAN PENUTUPAN SEMENTARA  
BANGUNAN POLITEKNIK KUALA TERENGGANU  
BAGI KERJA-KERJA SANITASI**

**26 Januari 2022 - 27 Januari 2022**

sebarang urusan atau pertanyaan lanjut  
semasa tempoh penutupan Politeknik Kuala Terengganu  
boleh hubungi pegawai berikut:

Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa Pengarah No tel : 019-9388181 email : mdaudisa@pkt.edu.my	Puan Rosnani binti Dollah Penolong Pegawai Tadbir No tel : 019-9914085 Emel: rosnanidollah@pkt.edu.my	Puan Nurul Ain binti Mohamed Hassim Pegawai Perhubungan Awam No Tel : 012-2287287 E-mel: nurulain@pkt.edu.my
--	--	---

**26 - 27 Januari 2022**

Berikutan kes Covid-19 semakin menular di kalangan warga PKT dan atas saranan Pejabat Kesihatan Daerah, PKT telah menutup sementara operasi Bangunan Politeknik Kuala Terengganu bagi kerja-kerja sanitasi oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

# PKT PERLU WASPADA ELAK TULAR COVID-19

Sehubungan itu, semua warga PKT diarahkan untuk bekerja dari rumah dan sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan dari masa ke masa.



# KURSUS ASAS BISNES DARI RUMAH



18 Mei 2022 - Kursus PSH Jom  
Bisnes Dari Rumah (Aneka  
Spaghetti) anjuran Unit Latihan  
dan Pengurusan Lanjutan dengan  
kerjasama Jabatan Pengajian Am.

Kepada yang berminat untuk  
turut serta dalam Kursus PSH  
anjuran Politeknik Kuala  
Terengganu, boleh hubungi Puan  
Sharina Diana binti Johari,  
Pegawai Latihan Pkt di talian  
(013-9802474)

# KURSUS INDUKSI DALAMAN STAF BAHARU

11 Januari 2022



Hari ini, Unit Latihan Pendidikan dan  
Lanjutan (ULPL), PKT telah mengadakan  
Kursus Induksi Dalam kepada kakitangan  
yang baru menyertai keluarga PKT iaitu  
melibatkan seramai 8 orang pegawai yang  
bertukar masuk ke Politeknik Kuala  
Terengganu.

Kursus ini memberi sedikit sebanyak  
pengenalan berkaitan PKT, tanggungjawab  
warga PKT dan amalan baik yang boleh  
dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti  
dan memberi nilai tambah dalam  
perkhidmatan. Taklimat telah disampaikan  
oleh Puan Rosnani binti Dollah, Pegawai  
Eksekutif Kanan dan Encik Marzuki bin  
Hussain, Timbalan Pengarah Sokongan  
Akademik. Majlis Penutup telah  
disempurnakan oleh YBrs. Dr. Hj. Mohd  
Daud bin Isa, Pengarah PKT.



PN UMMI AFIAH BINTI BAKRI  
Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan  
Wisma PERKESO Kuala Terengganu

EN SUHAIMI BIN SALLY  
Founder of  
Mubariz Calliph Consultancy

DR. HJ. MOHD DAUD BIN ISA  
Pegarah  
Politeknik Kuala Terengganu



POLITEKNIK KUALA TERENGGANU  
<https://www.facebook.com/PoliteknikKualaTerengganuRasmi>

- Politeknik Kuala Terengganu - Laman Rasmi
- Alumni PKKT/PKT
- @politeknikkualaterengganu
- @politeknik\_KT



# Career BOOTCAMP

*Preparing For Your Career Path*

## 2022

10 FEB 2022 | PLATFORM  
THURSDAY | CISCO  
8.15 AM - 12.00PM | WEBEX

Anjuran : UNIT CISEC POLITEKNIK KUALA TERENGGANU & ALUMNI PKKT/ PKT

# CAREER BOOTCAMP : PREPARING YOUR CAREER PATH

Pada 10 Februari 2022 telah diadakan 'Career Bootcamp 2022: Preparing for Your Career Path'. secara dalam talian melibatkan pelajar-pelajar Semester 1, 2, 3 4 dan 5.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar sebagai persediaan memasuki alam pekerjaan kelak. Penceramah dari PERKESO iaitu Puan Ummi Afiqah binti Bakri telah dijemput untuk menyampaikan taklimat kepada pelajar.

Selain itu, Encik Suhaimi bin Sally, Founder Mubariz Calliph Consultancy juga dijemput untuk berkongsi kepakaran bersama pelajar.

### DEVELOP CAREER ACTION PLAN

- To create a map for your professional future, review action items from your SMART goals and chart the steps you will need to follow.
- Put the goals on a paper or digital calendar to establish schedule. Keep your career action plan readily available so you can review it regularly. Check off each step as you complete it, and reward yourself for achievements both big and small.
- Revisit and revise your career action plan as necessary. New opportunities, technological advances, personal priorities and trends in the economy can all cause essential career planning changes.

## 8 - 9 Februari 2022



*PKT TERIMA KUNJUNGAN UTHM*

## 9 Februari 2022

Politeknik Kuala Terengganu menerima kunjungan daripada Prof Madya Ir. Ts. Dr. Bukhari bin Mashoor, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bersama Ts. Dr. Reazul Haq bin Abdul Haq, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Dalam sesi pertemuan ini, pihak UTHM telah mempromosikan program APEL UTHM di mana program ini memberi peluang kepada mereka yang mempunyai pengalaman kerja atau kurang kelayakan akademik untuk menyambung pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi sama ada di peringkat Sijil/Diploma, Sarjana Muda atau Sarjana.

*SESI SEMAKAN DAN PENGESAHAN DATA PERJAWATAN E-SIS ZON TIMUR*

Sesi semakan ini melibatkan semua pentadbir Sistem e-Sis Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Timur.

Sesi ini dikelola oleh Encik Ahmad Kamal bin Mohd Arish, Timbalan Pengarah, Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya JPPKK bersama beberapa orang pegawai dari bahagian tersebut. Turut meninjau sesi semakan ini ialah Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT.

*LAWATAN TAPAK CADANGAN KAMPUS TETAP PKT*

## 20 Februari 2022



Satu lawatan tapak telah diadakan untuk meninjau cadangan pembinaan kampus tetap Politeknik Kuala Terengganu di Bukit Kor, Marang.

Pengarah PKT telah memberikan taklimat ringkas kepada Ts. Haji Muhamad Rumzi bin Mamat, Pengarah Bahagian Perancangan Program dan Insitusi, JPPKK berhubung hasrat PKT tersebut.

Semoga usaha ini akan memberikan sinar baharu buat warga PKT

**21 - 22 Februari 2022**

Telah berlangsung Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 Politeknik Kuala Terengganu oleh SIRIM QAS International.

Hasil daripada audit pemantauan ini, tiada sebarang penemuan ketidakakuran diterima sepanjang pengauditan berlaku. Ketua Juruaudit Puan Asiyah binti Haron, amat berpuas hati atas kerjasama yang diberikan dan mencadangkan beberapa penambahbaikan yang perlu dilaksanakan di masa akan datang.

Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT dalam Mesyuarat Penutup menzahirkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua pegawai yang terlibat kerana telah bertungkus lumus membuat persediaan dan persiapan menghadapi audit ini.

TAHNIAH PKT!!! Terbaik



# AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015 BERJALAN LANCAR



# PENDAFTARAN PELAJAR SESI 2 2021/2022

KEKAL PATUH SOP KPT



## 28 Februari 2022

Sekitar Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi II 2021/2022. Alhamdulillah, cuaca baik dan para pelajar kelihatan ceria dan bersemangat untuk urusan pendaftaran.

Dr. Haji Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT meninjau proses pendaftaran pelajar bagi memastikan proses mengikut SOP yang ditetapkan. Barisan Majlis Perwakilan Pelajar PKT hadir sama membantu melicinkan proses pendaftaran. Turut mencuit lensa kamera PKT, pasangan kembar JTMK yang bersama-sama melapor diri pada hari ini.

Tahniah dan Selamat Datang Pelajar Baharu Sesi II 2021/2022.



**7 Mac 2022**

**LAWATAN PENAZIRAN  
AKADEMIK (MYAPENA)**

Telah berlangsung Lawatan Penaziran Akademik Secara MyaPeNa Politeknik Kuala Terengganu buat pertama kalinya. Puan Nor'Aziah binti Abdullah selaku Ketua Panel memaklumkan terdapat beberapa ruang penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti pelaksanaan program pengajian agar lebih praktikal dan sistematik.

PKT menerima baik saranan dan cadangan penambahbaikan yang diberikan oleh para panel serta urus setia lawatan. Semoga dengan selesainya Lawatan Pena ini menjadikan pengurusan akademik di PKT lebih teratur.

Pengarah serta seluruh Jawatankuasa PeNa PKT mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh semua pensyarah dan mengingatkan agar segala teguran ditambahbaik sebagai persediaan untuk menghadapi Lawatan Penilaian Akreditasi ETAC pula selepas ini.



**15 Mac 2022**

**LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI  
ENGINEERING TECHNOLOGY  
ACCREDITATION COUNCIL (ETAC)**

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBhg. Ir. AP. Dr. Gobi a/I Vetharatnam, selaku Ketua Panel Penilai ETAC dengan kehadiran semua Ahli Mesyuarat Pengurusan dan Jawatankuasa Pelaksana Pemantauan ETAC JKE. Panel ETAC yang lain terdiri daripada Ir. Anuar bin Jaafar dan Ir. Nor Azery bin Abd. Rahim.




# CAREERBOOTCAMP

## SIRI 2


17 Mac 2022

MENYELAMI MINAT  
KERJAYA MELALUI VPI

Program Career Bootcamp 2022 "Menyelami Minat Kerjaya Melalui Vocational Preference Inventory (VPI)" MYFUTUREJOBS anjuran Unit Cisec dengan kerjasama Unit Pengurusan Psikologi Politenik Kuala Terengganu. Penyertaan melibatkan pelajar Semester 1 dan Semester 2, PKT.



*Taklimat telah disampaikan oleh Puan Nor Hafiza binti Hasromi, Pegawai Perkhidmatan Pekerja PERKESO Dungun dan Encik Muhammad Afif bin Kamaruddin dari Unit Pengurusan Psikologi PKT.*



# SEKAMPIT BERAS SEKILO GULA RAI GOLONGAN ASNAF

18 April 2022

Hari ini, seramai 90 orang daripada kalangan pelajar, pekerja pembersihan, pengawal keselamatan termasuk golongan asnaf sekitar Kuala Terengganu menerima sumbangan berbentuk barangan keperluan asas dalam program Sekampit Beras Sekilo Gula anjuran Jabatan Matematik dan Sains Komputer (JMSK).



SBSG merupakan program tahunan yang menjadi platform kepada semua warga PKT untuk menyemarakkan bulan Ramadan dengan menghulurkan bantuan kepada pihak yang memerlukan terutama golongan fakir dan miskin yang berada di Kuala Terengganu.

Program ini merupakan inisiatif PKT berkongsi rezeki dan kasih sayang sesama insan seiring tuntutan agama Islam yang mementingkan hubungan persaudaraan dan hubungan silaturrahim. Sumbangan ini adalah hasil kutipan daripada seluruh warga Politeknik Kuala Terengganu.



Puan Ramlah binti Sulaiman menghidap penyakit buah pinggang menerima bantuan yang disampaikan oleh Dr. Haji Mohd Daud



Encik Azizan bin Nazri pekerja pembersihan di pusat membeli belah, menzahirkan rasa kesyukuran atas keprihatinan PKT membantu keluarganya

# IFTAR PERDANA POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Majlis Iftar Perdana Politeknik Kuala Terengganu bersama pelajar dan kakitangan PKT anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Kelab Kakitangan PKT.



Majlis dimulakan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Ustaz Wan Hasbullah bin Wan Abdul Halim, disusuli dengan tahlil oleh Ustaz Mohd Zuky bin Hanafi dan ucapan ringkas daripada Dr. Haji Mohd Daud bin Isa, Pengarah Politeknik Kuala Terengganu.

**18 April 2022**

Pengarah dalam ucapannya amat berbesar hati dan berterima kasih kepada semua yang hadir dan berharap agar majlis ini dapat diteruskan bagi mengeratkan ukhwah dan silaturrahim antara warga PKT.


Tepat jam 7.15 malam, bunyi bedilan bunga api kedengaran di sekitar Bandar Raya Kuala Terengganu menandakan masuknya waktu berbuka. Selesai berbuka, semua tetamu menunaikan solat Maghrib, Isya' dan Terawih berjemaah bersama-sama..



**TAHNIAH!!!**

**Pengarah serta seluruh warga Politeknik Kuala Terengganu mengucapkan tahniah kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2021.**

**Semoga terus memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada PKT.**



**Tahniah diucapkan kepada Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi PKT atas pemangkuan ke gred DH48 dan DH44.**

**Semoga terus cemerlang dan komited dalam perkhidmatan yang diberikan.**



# LAWATAN KK SANTUBONG BUKA RUANG KERJASAMA

**24 Mei 2022**

Politeknik Kuala Terengganu menerima Lawatan Penanda Aras daripada Kolej Komuniti Santubong. Rombongan dari bumi kenyalang yang diketuai oleh Puan Melissa Audrey Adriana Liu Abdullah, telah disambut oleh YM Dr. Tengku Azman bin Tengku Mohd, Timbalan Pengarah Akademik, PKT.

Dalam pertemuan ini, rombongan Kolej Komuniti ini telah diberikan taklimat berkaitan PKT, pencapaian dan aktiviti serta maklumat berhubung pengurusan risiko dan peluang, pengurusan kualiti, inspektorat dalaman dan amalan baik PKT. Pihak Kolej Komuniti Santubong turut berkongsi amalan baik mereka iaitu Sistem Helpdesk ICT. Di akhir lawatan, rombongan ini dibawa melawat Makmal Teknologi Maklumat dan Bengkel Kuasa, Jabatan Kejuruteraan Elektrik.





## 30 Mei 2022

Majlis Mesra Aidilfitri, Politeknik Kuala Terengganu berjalan dengan lancar dan meriah walaupun di sambut di penghujung Syawal. Semua pelajar dan kakitangan tampak ceria dan anggun berpakaian Hari Raya. Beraneka juadah dan hidangan raya disediakan oleh setiap Jabatan dan Unit.

Tema 'kemesraan' diangkat dalam ucapan YBr. Dr. Haji Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT, bagi memastikan hubungan silaturrahim di kalangan warga PKT terjalin erat.

Turut hadir menyerikan lagi majlis ini ialah Tuan Haji Ali bin Mamat, Pengarah Kolej Komuniti Kuala Terengganu, Puan Radiah binti Che Su, Mantan Pengarah PKT dan pasangan serta Jawatankuasa Penasihat Industri PKT.



Turut hadir menyerikan lagi majlis ini ialah Tuan Haji Ali bin Mamat, Pengarah Kolej Komuniti Kuala Terengganu, Puan Radiah binti Che Su, Mantan Pengarah PKT dan pasangan serta Jawatankuasa Penasihat Industri PKT.



15 Jun 2022

Latihan bermula pada jam 10.30 pagi di mana loceng kebakaran telah dibunyikan secara berturutan selama beberapa minit bagi memberi amaran kepada penghuni Bangunan Induk, PKT.

## LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN "FIRE-DRILL" TINGKAT KESELAMATAN KAKITANGAN



Latihan pengungsian bangunan (Fire Drill) telah diadakan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Politeknik Kuala Terengganu dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Kuala Terengganu.

Semua warga telah berjaya berkumpul di tempat perhimpunan seperti yang telah ditetapkan. Selain itu, pihak Bomba juga telah memberi taklimat keselamatan dan demonstrasi penggunaan hos dan alat pemadam api.

Tujuan utama diadakan latihan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada warga kerja di bangunan induk, PKT tentang prosedur menyelamatkan diri sekiranya berlaku kecemasan yang melibatkan kebakaran.

Selesai latihan pengungsian bangunan, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kuala Terengganu telah membuat pasca nilai bersama semua ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, PKT untuk penambahbaikan.



# PKT TINGKATKAN PROMOSI PENGAMBILAN PELAJAR



Jawatankuasa Promosi Politeknik Kuala Terengganu giat mempromosikan PKT dalam usaha meningkatkan kemasukan dan pengambilan pelajar. PKT telah menyertai beberapa siri jelajah promosi pendidikan yang diadakan di sekitar Kuala Terengganu dan Kuala Nerus





Promosi di SMK Kompleks Seberang Takir



Promosi di Jom Masuk IPT



Promosi di SMK Bukit Besar



Promosi di Karnival Hari Belia Negara



Promosi di Sambutan Hari Guru Daerah



Promosi di Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia

# 4 EKOR LEMBU SEMPENA QURBAN PERDANA PKT

13 Julai 2022



13 Julai 2022 telah diadakan Kursus Asas Penyembelihan PKT bersempena Sambutan Hari Raya Aidiladha Tahun 1443H. Program anjuran Kelab Kakitangan PKT dengan kerjasama ULPL, PKT bermula dengan penyembelihan dua ekor lembu korban milik pensyarah dan kakitangan PKT.

Selepas dua tahun ibadah korban dihadkan susulan pandemik Covid-19, aidiladha kali ini membawa pengertian bermakna kepada warga PKT.

Selain memenuhi tuntutan agama, ibadah korban yang dilaksanakan dilihat menjadi pengerat semula silaturrahim dalam kalangan warga PKT. Buktinya dapat dilihat melalui aktiviti korban yang dijalankan secara gotong-royong di perkarangan PKT semalam. Sebahagian daripada daging korban diberikan kepada asnaf dan golongan yang kurang berkemampuan di sekitar PKT.





**2 Ogos 2022**

## **WARGA PKT GEGAR CORAL CROWN BOWL**



2 Ogos 2022 - Telah diadakan Kursus Pemantapan Staf Dalam Kumpulan, Politeknik Kuala Terengganu Tahun 2022 yang diadakan di Coral Crown Bowl, Paya Bunga Square.

Sebanyak 9 pasukan lelaki dan 14 pasukan wanita telah bertanding dalam pertandingan boling yang dianjurkan oleh ULPL dan Kelab Staf. Masing-masing mempamerkan bakat dan aksi terbaik dalam merebut trofi 'Piala Pengarah' yang julung-julung kalinya diadakan. Pengarah dan TPA juga tidak ketinggalan bersaing bersama kakitangan dalam pertandingan ini.

**18 Julai 2022**

## **LAWATAN PENANDA ARAS PKT KE PMTG**



18 Julai 2022 - Pengurusan Tertinggi Politeknik Kuala Terengganu yang diketuai oleh Dr. Haji Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT mengadakan Lawatan Penanda Aras ke Politeknik Metro Tasek Gelugor, Pulau Pinang bagi meninjau pelaksanaan Centre of Technology (COT), Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Akaun Amanah.

Rombongan PKT telah disambut oleh Ts. Khairul Anuar Ishak, Pengarah dan Pegawai-Pegawai Kanan, PMTG. Kedua-dua institusi saling berkongsi buah fikiran dan idea dalam usaha memperkasakan TVET di Politeknik.





## **PKT KIBAR JALUR GEMILANG DI PUNCAK TAMAN PANORAMA**

Sempena Bulan Kebangsaan, Unit Latihan dan Pengurusan Lanjutan PKT menganjurkan Program Let's Go Fitness iaitu program mendaki merdeka di Taman Panorama Kuala Terengganu sambil mengibarkan Jalur Gemilang. Program dimulakan dengan senaman dan taklimat penjagaan makanan dan kesihatan oleh Jurulatih Kesihatan yang bertauliah.



Para peserta begitu bersemangat mendaki bukit sambil menyanyikan lagu-lagu patriotik. Masing-masing melahirkan rasa semangat, sayang dan cintakan negara. Di atas puncak bukit telah diadakan trivia kemerdekaan sempena sambutan Hari Kebangsaan yang ke-65.

Bertemakan "Keluarga Malaysia Teguh Bersama" diharapkan seluruh rakyat Malaysia terus bersatu padu mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara.



# SELAMAT DATANG PELAJAR BAHARU SESI 1 2022/2023

**#SayangiPKT**  
**#PKTDihati**  
**#PKTHarmoni**  
**#TVETTalentforTomorrow**

Hari ini berlangsungnya Majlis Penutup Minggu Suai Kenal (MSK) Pelajar Baharu Sesi I 2022/2023 Politeknik Kuala Terengganu.

Sepanjang tiga hari MSK dijalankan, para pelajar telah diberikan taklimat dari Jabatan dan Unit sebagai persediaan pelajar bergelar mahasiswa. Sesi 'ice-breaking' telah menjadikan pelajar baharu lebih mesra berkomunikasi antara satu sama lain dalam aktiviti berkumpulan yang dijalankan.

**TAHNAH PELAJAR BAHARU DAN SELAMAT DATANG KE PKT!!**



# COC PERKUKUH KOLABORASI BERSAMA INDUSTRI

25 OGOS 2022



Hari ini berlangsungnya Majlis Perasmian Career Day dan Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi antara Politeknik Kuala Terengganu bersama Industri Wakil dari industri ialah:

1. Encik Abdul Karim bin Abdul Razak, Pengurus Softbravo Dot Net
2. Encik Ahmad Shauki bin Selamat, Ketua Pegawai Eksekutif Abahshah Electric & Instrumen Engineering Sdn. Bhd
3. Encik Wan Muhamad Ridwan bin Wan Azamuddin, Pengurus Arifa Idaman Enterprise

Majlis COC hari ini menandakan Politeknik Kuala Terengganu komited bekerjasama dengan industri dalam menghasilkan pelajar TVET yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi. Program hari ini juga disertakan dengan "coffee talk" dan "career talk" daripada industri selaras dengan pengumuman Program Career Day.



# AKTIVITI UPPSI

## PROGRAM PEMENTORAN

5 September 2022 - berlangsung Program Pementoran bagi Pegawai-Pegawai Baharu Politeknik Kuala Terengganu Tahun 2022 anjuran Unit Pengurusan Psikologi dengan kerjasama ULPL PKT. Program ini telah disampaikan oleh Puan Nur Hidayah binti Ibrahim, Ketua Unit Pengurusan Psikologi, PSMZA.



Selamat Bersara  
Puan Nik Roslini...  
Terima kasih.....



*Berdayung sampan ke Tanah Semenanjung,  
Hendak membeli tikarlah rotan,  
Budi dipenang bakti disanjung,  
Kekal subur dalam ingatan*



**8 September 2022** - Seramai 80 orang pelajar Tingkatan 5 SMK Kamil, Pasir Puteh, Kelantan mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Politeknik Kuala Terengganu. Para peserta diberikan taklimat berkaitan Politeknik Kuala Terengganu dan syarat-syarat kemasukan.

Selain itu, demonstrasi robot daripada pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan pembentangan aplikasi sistem yang dibangunkan oleh pelajar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi turut dipaparkan. Diharapkan melalui pendedahan ini memberi banyak manfaat kepada para peserta untuk memilih Politeknik Malaysia sebagai institusi pengajian tinggi selepas menamatkan SPM.

# PELAJAR SMK KAMIL TEROKA BIDANG ELEKTRIK & ELEKTRONIK



Lagi promosi PKT di sekolah-sekolah dan program setempat





## SUKAN ERATKAN HUBUNGAN WARGA PKT

10 September 2022 - Sempena Perlawanan Akhir Piala FA antara Terengganu dan JDT, Kelab Kakitangan PKT mengadakan tayangan skrin besar dan jamuan bbq buat para pelajar dan pensyarah. Aktiviti seperti ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara pelajar dan staf. Program telah bermula pada jam 8.00 malam dan tuut dihadiri oleh Timbalan Pengarah.

# LAYAR BESAR

SEMUA WARGA PKT DIJEMPUT HADIR

# BBQ DISEDIAKAN

TAJAAN : KELAB STAF PKT

LIVE AT 8.00 PM

SABTU, 10 SEPT 2022

8 PM

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU



## PROGRAM KACAU BUBUR ASYURA RAI KEDATANGAN BULAN MUHARRAM 1444H

25 Ogos 2022 - Sempena Bulan Muharram 1444H, Kelab Kakitangan PKT mengadakan program Kacau Bubur Asyura Peringkat Politeknik Kuala Terengganu. Bubur asyura dimasak secara bergotong-royong sebelum diedarkan kepada kakitangan PKT.



## i-DEA'22 PKT MENANG TEMPAT KE TIGA



TAHNIAH PKT!! Pelajar JTMK mendapat Tempat ke-3 dan Pingat Emas dalam Pertandingan Reka Cipta & Inovasi (Innovation Development Through Educational Activities-iDEA'22) Tahun 2022 bagi kategori IPT/ILK (Teknologi Maklumat & Telekomunikasi). Anugerah telah disampaikan oleh YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu, Menteri Belia dan Sukan.

Pelajar telah membangunkan PKT Student's Covid-19 Status System bagi membantu Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Kuala Terengganu mengurus data jangkitan Covid-19 di kalangan pelajar secara cepat, tepat dan bersistematik serta membantu penyediaan laporan status jangkitan untuk keperluan pihak pengurusan.

## TPA NAIB JOHAN MPCCSUST AWARD 22

PKT berjaya memenangi Tempat ke-2 Anugerah Penulisan Penyelidikan (Kategori Politeknik) sempena MPCCSust Award 22 anjuran Bahagian Kurikulum, JPPKK. Tahniah kepada YM Dr. Tengku Azman bin Tengku Mohd, Puan Nor Suraya Aini binti Ngah dan Dr. Haji Mohd Daud bin Isa.





# MAJLIS KONVOKESYEN PKT KALI KE- 19 MERIAH

**25 September 2022** - Majlis Konvokesyen Politeknik Kuala Terengganu Kali Ke-19 menyaksikan penganugerahan diploma kepada seramai 446 orang graduan Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Para graduan terdiri daripada graduan Sesi Jun 2019 hingga Sesi 1:2021/2022. Majlis diadakan di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam (TTI), Kuala Terengganu yang disempurnakan oleh YBrs. Dr. Norhayati binti Zakaria, Pengarah Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Dalam majlis konvokesyen ini, Muhammad Shahrul Nizam bin Che Kah dari Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah dinobatkan sebagai Penerima Anugerah Pengarah yang merupakan anugerah utama dalam majlis ini. Beliau merupakan pelajar cemerlang yang berjaya mengharumkan nama Politeknik Kuala Terengganu di peringkat kebangsaan.



# 25

## SEPTEMBER

*"Bantu diri untuk  
membantu orang  
lain"*



Hari ini berlangsungnya Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Kuala Terengganu dan Program One For All, All for One anjuran Unit Pengurusan Psikologi dan Kelab Pembimbing Rakan Siswa. Majlis telah dirasmikan oleh Dr. Haji Mohd Daud bin Isa, Pengarah Politeknik Kuala Terengganu.

Memetik ucapan Tuan Pengarah, beliau berpesan kepada ahli PRS agar menjadi 'peer-educator' yang bertindak membantu rakan-rakan yang menghadapi masalah. 'Bantu diri, bantu rakan'. Turut hadir sama dalam program ini ialah Timbalan Pengarah Akademik dan Ketua Unit Pengurusan Psikologi.



Pembimbing Rakan Siswa menerima Watikah Pelantikan dari Pengarah

3 OKTOBER 2022

# MESYUARAT BERSAMA PENASIHAT INDUSTRI 2022



Berlangsungnya Mesyuarat Bersama Penasihat Industri Politeknik Kuala Terengganu. Dalam mesyuarat ini, terdapat beberapa perkara yang diperhalusi bagi merangka pelan tindakan bersama antara industri dan PKT.

Pihak industri berpesan agar pelajar menguasai sepenuhnya bidang yang dipelajari supaya dapat menempatkan diri di alam pekerjaan mengikut bidang sejurus tamat pengajian kelak.



## HARI AKADEMIKA DISAMBUT PADA SETIAP 5 OKTOBER BAGI MENGHARGAI PROFESION PENDIDIK



***"Akademia Memacu Kesejahteraan Komuniti"***


Memetik ucapan Dr. Haji Mohd Daud, Pengarah PKT dalam ucapan perasmianya berpesan agar semua pensyarah perlu bersama menggembeng tenaga dalam usaha memperkasakan ekosistem pendidikan TVET di PKT. Beliau berhasrat agar DTechC COT PKT disebarluas kefungsiannya untuk dimanfaatkan kepada pelajar dan komuniti.

# PERANTISISWA KELUARGA MALAYSIA BANTU SESI PDP

Pelajar Politeknik Kuala Terengganu ceria menerima PerantiSiswa Keluarga Malaysia yang diagihkan kepada pelajar pada hari ini. Inisiatif ini merupakan kerjasama antara Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM), Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertujuan membantu sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Pelajar diingatkan agar menggunakan peranti yang diberikan dengan sebaik mungkin dan tidak digunakan untuk mengakses laman sesawang yang menyalahi undang-undang negara. Tempoh jaminan peranti adalah selama dua tahun. Sebarang kerosakan boleh menghubungi Jabatan Hal Ehwal Pelajar, PKT.

Pelajar diingatkan agar menggunakan peranti yang diberikan dengan sebaik mungkin dan tidak digunakan untuk mengakses laman sesawang yang menyalahi undang-undang negara. Tempoh jaminan peranti adalah selama dua tahun. Sebarang kerosakan boleh berhubung dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar, PKT.



# DIDIK PELAJAR SAYANG DAN CINTA AL-QURAN

11 OKTOBER 2022

Jabatan Pengajian Am Politeknik Kuala Terengganu mengadakan Pertandingan Tilawah Al-Quran dan Hafazan pada 5 Oktober 2022 yang lalu. Program ini diadakan bertujuan untuk melahirkan para pelajar yang sayang dan mencintai Al-Quran serta memartabatkan kemuliaan Al-Quran yang menjadi rujukan utama dalam kehidupan seharian seorang muslim.

Penganjuran majlis juga diharapkan dapat memupuk minat generasi muda mahir dalam hafazan dan bacaan al-Quran meliputi bidang suara, lagu, tajwid dan tarannum. Majlis ini telah dirasmikan oleh Dr. Haji Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT. Turut hadir sama En Marzuki bin Hussain, TPSA dan Puan Wati binti Mohd, Ketua Jabatan Pengajian Am.



**MUHAMMAD SYAFIQ BIN SAHIBUDIL-AKMAL DDT1A  
JOHAN KATEGORI LELAKI**

# COT PKT SASAR PENARAFAN 2 BINTANG MENJELANG 2024

## MAJLIS PELANCARAN COT PERINGKAT POLITEKNIK KUALA TERENGGANU



COT PKT melalui DTechC perlu diperkasa dan disebarluas kefungsiannya dalam memperkasa ecosystem TVET di PKT kepada seluruh warga bagi maksud untuk mencapai 2 star rating pada 2024/25 selaras dengan kecemerlangan PKT menyambut hari jadi yang ke 25 pada tahun 2024.



Dalam usaha memperkasakan COT, Jawatankuasa COT PKT telah mengadakan lawatan penanda aras (benchmarking) ke Polisas bagi melihat dengan lebih mendalam bagaimana pelaksanaan COE di POLISAS. Lawatan ini diketuai oleh Dr. Haji Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT bersama dengan TPA dan TPSA dan turut disertai 15 orang Jawatankuasa COT PKT.

31 OKTOBER 2022 - 1 NOVEMBER 2022

# PROGRAM SMART GO GREEN TINGKAT KESEDARAN PELAJAR SAYANGI ALAM SEKITAR



Program Smart Go Green PKT telah diadakan selama dua hari iaitu pada 31 Oktober hingga 1 November 2022. Program ini bertujuan untuk mendidik para pelajar agar sentiasa menjaga dan melestarikan alam sekitar. Program ini telah dikelolakan oleh Jawatankuasa Smart Green PKT, Majlis Perwakilan Pelajar dan Sukarelawan YES PKT.



Pada hari pertama para pelajar menjalankan aktiviti penanaman pokok di sekitar kawasan Politeknik Kuala Terengganu dan diberi taklimat alam sekitar dari Jabatan Alam Sekitar, Negeri Terengganu. Manakala pada hari kedua para pelajar menjalankan aktiviti CSR penanaman pokok di Muzium Negeri Terengganu.

# MPP NADI PENGHUBUNG PELAJAR DAN PIHAK PENGURUSAN



Sekitar Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2022/2023 Politeknik Kuala Terengganu. Watikah pelantikan telah disampaikan oleh Dr. Haji Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT. Pengarah dalam ucapannya berhasrat kepimpinan MPP yang baharu dilantik ini dapat membawa nama PKT cemerlang dan unggul di kalangan Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia.



Selesai penyerahan watikah pelantikan, telah diadakan rundingan meja bulat antara MPP dan Pengurusan PKT bagi menyampaikan hasrat dan suara pelajar. Segala isu dan perkara yang dibentangkan mendapat perhatian serius daripada pihak pengurusan.



Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) menerima Watikah Pelantikan dari Pengarah



# CSR GOTONG-ROYONG KONTENA TUNTUNG

Program Community Outreach (Gotong-Royong Kontena Tuntung) di Kampung Mangkok, Setiu, Terengganu. Program ini merupakan kerjasama antara Unit Cisec, Alumni Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Kuala Terengganu. Penyertaan melibatkan seramai 30 orang yang terdiri daripada kakitangan Politeknik Kuala Terengganu Dan Alumni PKKT/PKT  
Bersama : WWF-Malaysia Dan Cimb Islamic





## TEAM-BUILDING CABAR KEUPAYAAN FIZIKAL & STAMINA PENGURUSAN

10 hingga 11 November 2022 bertempat di Peladang Agro Resort, Setiu telah diadakan Program Pemantapan Dalam Kumpulan buat Ahli Mesyuarat Pengurusan Politeknik Kuala Terengganu. Program dua hari satu malam ini telah menguji ketahanan fizikal dan mental peserta dalam menyelesaikan tugas yang diberikan mengikut kumpulan.

Turut serta dalam program ini ialah Dr. Haji Mohd Daud bin Isa, Pengarah dan YM Dr. Tengku Azman bin Tengku Mohd, Timbalan Pengarah, PKT.



Aktiviti yang dilakukan ialah 'flying-fox', 'jungle tracking', 'water confidence' dan 'water rafting'. Rata-rata semua peserta bersemangat, walaupun ada segelintir yang kurang berkeyakinan namun dengan sokongan rakan-rakan ia berjaya mengatasi ketakutan dalam diri.



# PEMILIHAN KELAB KAKITANGAN

2023-2024

Mesyuarat Agung Kelab Staf Sesi 2021/2022 telah diadakan sempena penutupan penggal bagi Jawatankuasa Kelab Staf Politeknik Kuala Terengganu bagi sesi tersebut.

Dalam majlis itu, laporan pelaksanaan aktiviti dan kedudukan kewangan Kelab Kakitangan telah dibentangkan kepada semua ahli. Selain itu, sebanyak 30 cabutan bertuah telah disediakan kepada anggota yang bertuah.

Di akhir majlis, Jawatankuasa Kelab Kakitangan yang baharu telah dapat dibentuk bagi menerajui Kelab Kakitangan Tahun 2023 -2024. Pihak Pengurusan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Kelab Kakitangan yang lama dan mengharapkan agar semua anggota memberi sokongan dan kepercayaan kepada Jawatankuasa yang baharu.



## *PELAJAR PERLU BERFIKIRAN KRITIS DAN BERINOVASI*

Pertandingan Projek Inovasi Pelajar Sesi I 2022/2023. Setiap jabatan telah menghantar lima kumpulan terbaik untuk dipertandingkan di peringkat akhir.

Hasil penilaian juri, terdapat beberapa projek yang mempunyai nilai komersil yang boleh ditambah baik untuk diketengahkan pada masa akan datang. Majlis Penutup telah disempurnakan oleh Dr. Haji Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT. Hadir sama dalam program ini ialah Timbalan Pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan.



Program Project Demonstration Industrial Review Workshop anjuran Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi, Politeknik Kuala Terengganu telah berjaya diadakan dengan penuh jayanya pada 24 November 2022. Program yang menghimpunkan semua projek pelajar semester lima JTMK telah diadili oleh 2 panel industri yang juga merupakan Penasihat Industri Politeknik Kuala Terengganu.





## *KARNIVAL SUKAN TERTUTUP PKT MERIAH*

Semalam 26 November 2022 telah diadakan Karnival Tertutup Sukan PKT yang melibatkan antara pelajar dan kakitangan PKT. Antara sukan yang dipertandingkan adalah seperti Bola Tampar, Karom, Congkak dan Batu Seremban. Para pelajar begitu bersemangat dan teruja dengan aktiviti yang dijalankan.



# PROGRAM PEMANTAPAN STAF UJI MINDA ANGGOTA



## Pembinaan Kerjaya



Berlangsungnya Program Memperkasakan Budaya Kerja Berkumpulan bagi Kakitangan Sokongan Politeknik Kuala Terengganu anjuran Unit Pentadbiran. Tujuan aktiviti ini diadakan adalah untuk mengukuhkan budaya kerja berpasukan dan meningkatkan persefahaman di kalangan anggota. Semua kakitangan telah diagihkan mengikut kumpulan dan diberikan tugas yang memerlukan kerjasama antara anggota dalam menyelesaikan tugas tersebut.



Majlis Penutup telah disempurnakan oleh YM Dr. Tengku Azman bin Tengku Mohd, Timbalan Pengarah Akademik, Politeknik Kuala Terengganu.

20 OKTOBER 2022



PKT raih pingat perak menerusi Program Competition for Potentially Excellent and Talented Entrepreneurs (COMPETE@MOHE'22) yang berlangsung di Johor Bahru.

COMPETE@MOHE'22 merupakan platform memperkasa usahawan muda dari kalangan pelajar Politeknik, Kolej Komuniti dan Universiti Awam untuk terus berdaya saing dan mampu mengadaptasi dengan perubahan landskap keusahawanan masa kini.

Tahniah diucapkan kepada pelajar JTMK: Lukhman Nur Hakim bin Khairudin dan Nareshwaran a/l Rajendran bersama mentor mereka Encik Norhisyam Mohd, Ketua Unit Keusahawanan PKT dan Puan Rasmaliza binti Rashid, Penyelaras Keusahawanan PKT.



Pelajar Politeknik Kuala Terengganu turut serta dalam Program Penjana KPT CAP (GIG - Economy) IDBC-Intellectual Digital Business Course 2022 Zon Terengganu dan Kelantan pada 30/10 hingga 2/11/2022 bertempat di Hotel Grand Renai Kota Bharu.

Para peserta diberikan pendedahan kepada analisis data, content creation, SEO (search engine optimization) dan SEM (search engine marketing), CRM (customer relationship management), teknik komunikasi berkesan, media sosial serta asas kemahiran rekabentuk bahan pemasaran serta personal branding.

## COMPETE 22



27 DISEMBER 2022



Program Kolaborasi Serantau (Agreed Minutes of Meeting) Politeknik Kuala Terengganu, Malaysia bersama Politeknik Aceh, Indonesia pada 27 Disember 2022 secara dalam talian. Politeknik Kuala Terengganu diwakili oleh YBrs. Dr. Haji Mohd Daud bin Isa (Pengarah) manakala Politeknik Aceh diwakili oleh Dr. Hilmi (Direktur). Majlis menandatangani ini turut disaksikan oleh Puan Yusma binti Yusof, Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Dengan termeterai majlis ini, akan lebih banyak lagi kolaborasi bersama antara kedua-dua institusi selepas ini.

## PROGRAM KOLABORASI SERANTAU POLITEKNIK KUALA TERENGGANU & POLITEKNIK ACEH



LAGU  
POLITEKNIK KUALA  
TERENGGANU

**Tersergam megah indah teguh namamu  
Di tanah bumi bertuah Terengganu  
Tempat ilmu dicurah tanpa jemu  
Politeknik Kuala Terengganu**

**Politeknik Kuala Terengganu  
Pusat pendidikan teknikal berilmu  
Melahirkan insan holistik era baru  
Pemangkin pembangunan negara maju**

**Bersama warga bersatu berganding bahu  
Menuju ke arah visi yang satu  
Politeknik Kuala Terengganu  
Ayuhlah curahkan baktimu**

**Politeknik Kuala Terengganu  
Pusat pendidikan teknikal berilmu  
Melahirkan insan holistik era baru  
Pemangkin pembangunan negara maju**

**Politeknik Kuala Terengganu  
Pusat pendidikan teknikal berilmu  
Melahirkan insan holistik era baru  
Pemangkin pembangunan negara maju**

**Politeknik Kuala Terengganu  
Politeknik Kuala Terengganu**

Lagu & Lirik | Ardha [Ahmad Ardha b. Zanal Abadin]  
Gubahan | Fadhil [Mohd Fadhil b. Shamsuddin]



*Diterbitkan oleh:*

**POLITEKNIK KUALATERENGGANU**

**JALAN SULTAN ISMAIL**

**20200 KUALA TERENGGANU**

**[www.pkt.edu.my](http://www.pkt.edu.my)**